

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

**JKA 314 – Agama dan Masyarakat**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan

Jawab Empat soalan sahaja. **Soalan 1 Wajib dijawab.**

Jawab soalan No. 1 dan tiga soalan lain.

1. Huraikan teori agama berikut:

- (a) Teori Evolusi (Frazer dan Tylor)
- (b) Teori Fungsional (Strukturalisme dan Simbolik)

(100 markah)

2. Bincangkan teori agama Durkheim bersabit perkara berikut:

- (a) Totemisme
- (b) Kesedaran kolektif
- (c) Upacara amal

(100 markah)

3. Sosiologi dan antropologi tidak mengandaikan bahawa hanya sistem kepercayaan monoteisme sahaja yang boleh didefinisikan sebagai agama. Huraikan bentuk sistem kepercayaan yang berfungsi sebagai agama yang diamalkan atau yang pernah diamalkan oleh manusia.

(100 markah)

4. Di dalam sejarah manusia, agama telah terbukti menjadi pemangkin kepada pertumbuhan tamadun dan kesepaduan masyarakat, tetapi dalam sejarah banyak masyarakat, agama juga pernah dan berkemungkinan menjadi penyebab kepada perpecahan, konflik dan perubahan. Bincangkan kontradiksi ini dalam konteks teori-teori yang dikemukakan Ibn-Khaldun **atau** Max Weber.

(100 markah)

5. Lakukan analisa simbolik ke atas satu upacara amal yang dilaksanakan oleh mana-mana kepercayaan dengan menghuraikan makna penting bagi simbol utama.

(100 markah)

6. Huraikan konsep berikut dengan contoh yang sesuai:

- (a) Mazhab
- (b) Kultus
- (c) Gerakan Pelampau Agama
- (d) Magis simpatatik

(100 markah)

7. Huraikan bentuk kepercayaan dan amalan berikut dengan contoh yang sesuai:

- (a) Magis
- (b) Anamisme
- (c) Mitos

(100 markah)